

Musa, Hamid angkat sumpah jadi senator

KLJALA IUMPUR 13 Dis. — Menteri Pendidikan yang baru dilantik, Tan Sri Musa Mohamed dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Abdul Hamid Othman hari ini mengangkat sumpah sebagai ahli Dewan Negara.

Majlis itu diadakan di hadapan Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara, Datuk Micheal Cheng Wing Sum.

Pelantikan sebagai senator itu ialah bagi tem-

poh tiga tahun berkuat kuasa 11 Disember lalu bagi membolehkan mereka memegang jawatan masing-masing dalam kabinet.

Musa, 56, bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) yang tidak pernah terlibat dalam politik telah dilantik sebagai Menteri Pendidikan bagi menggantikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dr. Abdul Hamid pula walaupun mengekalkan

jabatannya dalam kabinet tetapi telah tewas pada pilihan raya umum yang lalu.

Majlis itu disaksikan enam senator lain iaitu, Rosli Mat Hassan, Faridah Abu Hassan, Datuk V.K.K Teagarajan, Datuk William Lau, Toh Puan Wan Seri @ Wan Asiah Ahmad dan Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman.

Jumaat lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan pelantik-

an Musa sebagai Menteri Pendidikan bagi menggantikan Datuk Seri Nairi Tun Razak.

Dr. Mahathir juga melantik semula Dr. Abdul Hamid walaupun pada pilihan raya lalu beliau gagal mempertahankan kerusi Parlimen Sik apabila tewas kepada calon Pas.

Musa dan Dr. Abdul Hamid akan mengangkat sumpah sebagai menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong esok bersama-sama dengan menteri-menteri kabinet yang lain.